

09 DEC 2000

Mahathir-Limo

MOGOK BUKANLAH CARA SELESAI MASALAH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mogok oleh para pemandu Airport Limo Sdn Bhd bukanlah cara yang wajar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi antara mereka dan pengurusan syarikat perkhidmatan limousin yang beroperasi di KLIA.

Malah, Perdana Menteri berkata tindakan itu boleh mencemarkan imej negara dan juga imej Lapangan Terbang Antarabangsa KL itu sendiri, yang menjadi pintu masuk utama rakyat asing ke negara ini.

"Kita tak boleh menghukum orang lain kerana kita berkelahi dengan orang lain. Awak berkelahi dengan majikan dan awak hukum pelancong, ini tak adillah.

"Sebab itu saya selalu kata, kalau ada masalah rundinglah, kalau tak boleh dengan majikan, bagi laporan dan kita boleh ambil tindakan. Tapi jangan berhenti kerja kerana ini mengganggu orang lain yang tak bersalah sama sekali," katanya kepada pemberita selepas melawat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan mogok yang bermula kelmarin oleh beratus-ratus pemandu Airport Limo kerana mendakwa pihak pengurusan syarikat mengabaikan kebajikan mereka.

Dr Mahathir turut ditanya tindakan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang menarik balik surat peletakan jawatan sebagai Naib Ketua Pemuda Umno kerana berasa bertanggungjawab terhadap kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas baru-baru ini.

Katanya: "Bila sesuatu pilihan raya habis dan kita kalah, biasanya (kita) kecewa...dan masa kecewa, keputusan yang kita buat tidak bijak.

"Kita harus tunggu sehingga kita dapat kaji semua faktor, baru kita boleh buat decision, siapa yang salah siapa yang tak salah."

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat Abdul Aziz membuat keputusan untuk meletak jawatan terlalu awal.

"Saya rasa dia dah tukar fikiran. Itu perkara biasa," katanya.

Ketika ditanya sama ada tindakan meletak jawatan dan kemudian menarik bali sudah menjadi satu budaya di kalangan ahli politik, beliau berkata : "Tak tahulah. Mungkin ia satu budaya tetapi saya berpendapat dia (Abdul Aziz) tak untung apa-apa.

"Ada orang yang macam nak berhenti kerana mereka mahukan sesuat untuk mereka. Bukan dia (Abdul Aziz) boleh jadi Ketua Pemuda kerana dia resign."

Dr Mahathir berkata: "Saya simpati dengan pemandu teksi ini, bukan saya tak simpati. Tapi itu (mogok) bukan caranya. Awak buat macam tu, awak rosakkan semua yang lain, awak rosak imej negara dan juga KLIA, rosak semua."

Beliau berkata kewujudan KLIA memberi peluang pekerjaan kepada pemandu-pemandu teksi terbabit tetapi peluang sebegini akan terjejas dengan tindakan mogok mereka.

Perdana Menteri berkata semua orang menghadapi masalah termasuk dirinya sendiri tetapi beliau tidak mogok kerana sedar ianya boleh menimbulkan pelbagai kesusahan.

Ditanya sama ada pemandu teksi ini kurang peka tentang kepentingan nasional, Dr Mahathir berkata: "Saya harap mereka fikirlah sikit tentang masalah yang mereka timbulkan ... kita nak simpati dengan dia pun susah pasal dia buat benda yang tak baik pada negara."

Mogok itu menyebabkan para penumpang dan orang ramai beralih menggunakan perkhidmatan teksi bermeter bandar raya dan teksi yang biasanya

beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk ke destinasi masing-masing.

Mengenai pendapat bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba bahawa kekalahan BN dalam pilihan raya kecil Lunas baru-baru ini disebabkan petugas parti kurang memahami dasar kerajaan, Dr Mahathir : "Terdapat juga elemen berkenaan. Ada beberapa elemen lain."

Perdana Menteri berkata beliau menghargai peranan Wanita Umno dalam pilihan raya kecil itu.

"Di kawasan Wanita bekerja kuat, kita menang. Dalam kawasan Melayu, kita besar menang banyak juga," katanya.

Mengenai mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-41 pada Khamis, Dr Mahathir berkata ia berpendapat tindakan perlu diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan agama termasuk untuk kepentingan politik.

Beliau memberikan contoh adanya kempen oleh Pas sewaktu sembahyang terawih diadakan sempena bulan puasa sekarang.

"Selepas empat rakaat dia berhenti. Dia ada tazkirah kononnya dan ketika itu, dia berkempen untuk parti Pas secara terbuka sampai terganggu orang yang hendak sembahyang. Orang datang situ nak sembahyang terawih, bukan nak dengar syarahan politik," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata perkara seumpama itu berlaku di sebuah masjid berdekatan dengan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

"Benda begini menyalahkan kegunaan masjid. Masjid bukan untuk itu," katanya.

-- BERNAMA
MAM APG MAI